E-LEARNING

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK

E-LEARNING

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK

Hakcipta terpelihara PENERBIT UMK 2020

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

E-Learning Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian UMK
eISBN 978-967-2912-08-8

Diterbitkan oleh:

Seksyen Penerbitan Korporat, Penerbit UMK,
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,
Karung berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu
Kelantan

Dengan kerjasama:

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)
Universiti Malaysia Kelantan Bachok
16300 Bachok, Kelantan
09-7797599/7598
www.umk.edu.my

eCampus 2.0 UMK seakan telah melengkapkan semua keperluan yang perlu ada bagi kelancaran P&P-DT. Oleh hal yang demikian menyusuri suasana Pandemik Covid-19, warga UMK komited dalam mengubah pembelajaran secara semuka *(Face to Face - F2F)* ke pembelajaran dalam talian *(Non Face to Face - NF2F).*

PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL
Naib Canselor UMK

KANDUNGAN

E-LEARNING PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK

vii PRAKATA NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ix PRAKATA TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

xi PRAKATA PENGARAH PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

PENGENALAN

01 TUJUAN

02 LATAR BELAKANG

BAHAGIAN PERTAMA

07 KAEDAH PELAKSANAAN

09 PERINCIAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)

10 PEMBANGUNAN eBAHAN

11 PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

13 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

15 JAM BELAJAR PELAJAR (*STUDENT LEARNING TIME-SLT*)

16 PROSES IMPLEMENTASI PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN (PTG-DT)

BAHAGIAN KEDUA

19 GARIS PANDUAN UMUM

20 PANDUAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN *(ONLINE LEARNING)*

27 LAMPIRAN 1-10

101 RUJUKAN

102 PENGHARGAAN

PRAKATA
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Tahun 2020 menyaksikan satu era revolusi media elektronik yang cukup dinamik apabila kita berhadapan Pandemik Covid 19. Ini memberikan implikasi terhadap perubahan kepada lanskap pendidikan dan perubahan ke arah norma baharu.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengorak langkah yang positif dalam menerbitkan buku Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT). Komitmen daripada keseluruhan warga akademik UMK dalam melaksanakan P&P-DT amat tinggi dengan penggunaan *Learning Management System (LMS) eCampus* yang unik serta mempunyai kelebihan yang tersendiri.

eCampus 2.0 UMK seakan telah melengkapkan semua keperluan yang perlu ada bagi kelancaran P&P-DT. Oleh hal yang demikian, menyusuri suasana Pandemik Covid-19, warga UMK komited dalam mengubah pembelajaran secara semuka *(Face to Face - F2F)* ke pembelajaran dalam talian *(Non Face to Face -NF2F).*

Pihak pengurusan UMK mengambil pelbagai langkah dalam menyokong pembelajaran P&P-DT agar berjalan dengan lancar dan berkesan serta mampu memberikan impak pembelajaran dalam pelbagai situasi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dalam memberikan kerjasama yang padu dalam meneruskan P&P-DT sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. Tidak saya lupakan penghargaan dan komitmen kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) , semua Dekan, Timbalan Dekan Akademik (TDA) serta Pengarah PTj Akademik.

Kepada Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan pasukan *Facilitator for E-Learning (FacEL)* UMK serta Pusat Komputeran dan Informatik (CCI), ucapan setinggi-tinggi tahniah atas masa, tenaga dan buah fikiran dalam memastikan kelancaran P&P-DT terus aktif.

Selamat Maju Jaya

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL
Naib Canselor

PRAKATA
TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Syukur kehadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaanNya UMK dapat menerbitkan dokumen berkaitan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT). Dokumen ini sebagai rujukan kepada para akademik dan pelajar untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam masa menghadapi krisis Pandemik Covid-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mod bersemuka baharu dalam P&P-DT bukanlah satu perkara baharu kepada pelajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Amalan ini telah menjadi sebahagian daripada rutin di UMK sejak 2015. Bagi rujukan pengajaran sepanjang PKP, pensyarah perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengunaan aplikasi web *Teaching Tools* yang terdapat dalam *eCampus*.

Namun, bagi menjadikan P&P-DT lebih selesa dan akomodatif kepada para pelajar, terutamanya bagi yang tinggal di kawasan tiada liputan rangkaian *(network coverage), remote teaching* dilaksanakan.

Buku ini dijadikan panduan kepada para pensyarah dalam merancang dan melaksanakan P&P-DT dengan mengambil kira asas-asas

pedagogi, Jam Belajar Pelajar (JBP) atau *Student Learning Time (SLT)*, Penjajaran Konstruktif serta aplikasi *eCampus*.

Paparan contoh serta P&P-DT yang lengkap turut diberikan dengan mengambil kira aktiviti dan pentaksiran alternatif yang sesuai.

Norma baharu yang perlu dibudayakan melalui P&P-DT berkaitan pembelajaran secara segerak *(synchronous)* atau pembelajaran tidak segerak *(asynchronous)* wajar dipupuk agar amalan ini membantu menjadikan proses P&P-DT lebih berkesan serta dapat memberikan impak positif dalam *personalized learning* pelajar.

Akhir kata Selamat Maju Jaya kepada semua warga UMK, semoga dapat memacu kejayaan dengan penuh cemerlang.

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

PRAKATA
PENGARAH PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Era Revolusi Industri 4.0 telah memacu lanskap dan persekitaran pendidikan yang lebih dinamik serta futuristik, perubahan ini memerlukan anjakan paradigma yang menyeluruh, termasuklah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT).

Skop dalam buku ini meliputi dua (2) bahagian. Bahagian pertama memberikan fokus kepada garis panduan terhadap pelaksanaan P&P-DT yang meliputi asas-asas pedagogi dalam pelaksanaan P&P-DT.

Bahagian kedua, memfokuskan penyenaraian terperinci pelaksanaan P&P-DT.

Bahagian pertama, memberikan keutamaan asas P&P-DT yang menterjemahkan elemen pedagogi. Sesuatu pelaksanaan P&P-DT sama ada secara semuka atau tidak bersemuka menekankan asas pedagogi yang meliputi kandungan bahan, aktiviti dan pentaksiran serta pengendalian ruang epembelajaran.

Bahagian kedua, ruang lingkup pelaksanaan P&P-DT diberikan dengan menghuraikan elemen pedagogi secara lebih terperinci.

Merujuk kepada konsep P&P-DT (PTG JPT, 2020) memberikan keutamaan pelaksanaan pembelajaran teradun yang merangkumi ebahan pembelajaran (40%), pelaksanaan aktiviti (40%), pentaksiran dalam talian (20%).

Bagi mencapai objektif P&P-DT yang berkesan, elemen penjajaran konstruktif merupakan asas dalam perancangan dan pelaksanaan. Butiran serta contoh penjajaran konstruktif diterangkan

secara terperinci. Sesuatu P&P-DT yang efektif dengan mengambil kira Jam Belajar Pelajar (JBP) atau *Student Learning Time (SLT).*

Aspek-aspek perancangan dan pelaksanaan P&P-DT meliputi ruang lingkup:

i. Reka bentuk pembelajaran dalam talian (*online learning*)
ii. Penyampaian P&P-DT
iii. eAlat Bantuan Mengajar (eABM) Audio Visual Aids (AVA)

Pelaksanaan P&P-DT mengambil kira Pekeliling Agensi Kelayakan *Malaysia/Malaysian Qualifications Agency (MQA)* sebagai *Advisory Board* ketika PKP Pandemik Covid-19.

Pelaksanaan P&P-DT UMK menguna pakai platform *eCampus* sebagai medium rasmi yang merupakan landasan *Learning Management System (LMS).*

Akhir sekali, P&P-DT menjadi satu norma baharu dalam landskap Pendidikan Pengajian Tinggi dan ia merupakan satu bentuk perubahan yang wajar diberikan keutamaan.

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

PROF. DR. SURIA BINTI BABA
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Dan Pembangunan Akademik

Pengurusan UMK mengambil pelbagai langkah dalam menyokong pembelajaran P&P-DT agar berjalan dengan lancar dan berkesan serta mampu memberikan impak pembelajaran dalam pelbagai situasi.

PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL
Naib Canselor UMK

PENGENALAN

1.0 TUJUAN

E-LEARNING PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK ini bertujuan untuk memberikan panduan serta tatacara untuk mengurus, menyelaras dan menyelia pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (P&P-DT) di UMK semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan jangkitan Covid-19.

2.0 LATAR BELAKANG

i. Buku panduan ini dikeluarkan dengan merujuk kepada:

a. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat;
b. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Kenyataan Media Pengendalian Program Akademik di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
c. Agensi Kelayakan Malaysia / Malaysian Qualifications Agency (MQA)
   i) Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (**Rujuk Lampiran 1**).
   ii) *Advisory Note* No.4/2020 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (**Rujuk Lampiran 2**).
d. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Kenyataan Media Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020.
e. Pekeliling Akademik Bil.13/2020 - Penangguhan Kemasukan Semua Pelajar Secara Bersemuka (Baharu Dan Lama) Sesi Akademik 2020/2021 Bagi Universiti Malaysia Kelantan.

ii. Akibat daripada pandemik Covid-19, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh Malaysia mengikut kronologi seperti berikut:

a. Perisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada **16 Mac 2020**, PKP yang pertama mulai **18 Mac 2020** hingga **31 Mac 2020**;
b. PKP Fasa 2 dilanjutkan mulai **1 April 2020** hingga **14 April 2020**;
c. PKP dilanjutkan ke Fasa 3 dari **15 April 2020** hingga **28 April 2020**;
d. PKP dilanjutkan ke Fasa 4 dari **29 April 2020** hingga **12 Mei 2020**;
e. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula **4 Mei 2020** hingga **9 Jun 2020**;
f. Semua bangunan IPTA/IPTS ditutup dan staf dikehendaki bekerja dari rumah;

g. Hampir **70%** pelajar telah pulang ke kampung manakala hanya **30%** pelajar yang masih tinggal di kampus dan di luar kampus;

h. Berdasarkan Laporan Survei pada **24 Mac 2020** tentang Capaian Internet Pelajar didapati hampir **63%** berada tahap Sederhana dan Lemah; dan

i. **95%** pelajar bersedia menjalani P&P-DT

iii. Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan satu garis panduan P&P-DT bagi situasi Covid-19 untuk dijadikan rujukan kepada Fakulti/Pusat Pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kuliah dalam talian bermula secara rasmi pada 26 April 2020 mengikut Pekeliling Akademik Bilangan 5/2020: Pindaan Kalendar Akademik Semester Februari 2019/2020 Prasiswazah Universiti Malaysia Kelantan bertarikh 1 April 2020, selaras dengan tarikh pelanjutan baharu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sehingga 28 April 2020. Ia tertakluk pada Kenyataan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan serta saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, melalui Kenyataan Media kementerian tersebut bertarikh 26 Mac 2020.

iv. P&P–DT adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam talian bagi menggantikan P&P yang telah dijadualkan untuk bersemuka secara fizikal. Ia merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar menerusi Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mengikut masa dan tempat pembelajaran yang lebih fleksibel dan diperibadikan mengikut pelajar bagi mengoptimumkan konsep *Self Directedness, Self Accessed dan Self Paced-(SeDAP).*

v. PTG bertujuan untuk mengupayakan pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) berdasarkan Formula 40:40:20. Garis panduan P&P Dalam Talian ini merujuk kepada Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) 2020.

vi. Kursus yang ditawarkan adalah sepenuhnya dalam talian tanpa semuka, iaitu beralih ke Pembelajaran Dalam Talian (JPT: GP PTG 2020).

BAHAGIAN PERTAMA

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Kuliah dalam talian boleh dilaksanakan dalam julat antara 30% sehingga maksimum 80% daripada jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT) secara bersemuka berdasarkan formula 40:40:20 (bahan P&P:Aktiviti P&P:Pentaksiran). Formula 40:40:20 adalah agihan kepada 30% hingga 80% daripada keseluruhan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) kepada tiga (3) elemen PTG. (PTG JPT 2020).

Semua pensyarah perlu menggunakan platform *eCampus* UMK bagi mengendalikan kuliah dalam talian ini. Namun, dalam kes-kes tertentu, pensyarah dibenarkan menggunakan platform lain dan ia perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas dan boleh diukur. Antara aplikasi yang boleh digunakan sebagai alternatif lain seperti :

i. *Telegram*
ii. *Whatsapp*
iii. Telefon/Talian Darat (*Landline*)
iv. Pesanan Suara (*Voice Message*)
v. Pos
vi. Pesanan Ringkas/SMS (*Short Messaging Service*)
vii. Radio/Televisyen
viii. Emel
ix. Media Sosial/*Web 2.0 Tools*
x. *Live Chat*
xi. Aplikasi Sidang Video dan seumpamanya.

3.2 *eCampus* merupakan platform rasmi UMK berlandaskan *Moodle* versi 3.8. Portal ini mudah diakses oleh semua Warga Pelajar dan Staf Akademik. *eCampus* UMK mempunyai kelengkapan yang tinggi oleh sebab dokumen P&P seperti *Table 4* serta *eAttendance*, Pelaporan PLO telah diintegrasikan dengan cukup kemas. Untuk layari sila ke https://ecampus.umk.edu.my dan turut boleh diakses ke Laman MOOC UMK melalui www.openlearning.com

4.0 PERINCIAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)

4.1 Penggunaan bahan pembelajaran (40%)

- Rakaman video, audio & skrin
- Persembahan berbentuk penceritaan
- Animasi dan Perisian *Web 2.0 Teaching Tools*
- Simulasi atau Realiti Maya, atau Realiti Luasan, atau Realiti Tergabung
- Syarahan dalam/luar kelas
- Kandungan interaktif
- Video praktikal/makmal
- Dan lain-lain yang bersesuaian

4.2 **Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan** *Web 2.0 Tools* **(40%)**

- *Kahoot*
- *Padlet*
- LMS (cth: forum, *chatting*, dsb)
- Pembelajaran Kolaboratif
- Penggunaan *open educational resources (OER)*
- *Personalised learning*
- *Self directed learning*
- *Micro learning,* dan
- Perkakasan yang bersesuaian *Flipped and Flexible classroom*

4.3 Pentaksiran dalam talian (20%)



- Kuiz
- Kajian kes
- *Problem Based Learning -PoBL*
- *Open eBook test*
- Pembentangan
- Refleksi @ePortfolio
- *Peer assessment*
- Alatan Pentaksiran *e-Proctoring*
- Aplikasi Analitik Pembelajaran bagi Pemantauan Kemajuan Pelajar
- Alatan Pentaksiran dalam Talian masa nyata dan banyak lagi

5.0 PEMBANGUNAN eBAHAN

5.1 Pembangunan eBahan Pembelajaran Dalam Talian

- Pembangunan Bahan atau Video Pembelajaran secara Rakaman Sendiri
- Pembangunan Bahan Pembelajaran Multimedia Interaktif (*Web 2.0 Teaching Tools*)
- Aplikasi Reka bentuk Pengajaran (Addie dan Gadne's) untuk pembangunan kursus dalam talian

5.2 Pembangunan Aktiviti Pembelajaran Dalam Talian

- Aplikasi *Hangout Meet/Microsoft Meet Team* sidang video dalam talian bagi PTG Segerak (*Synchronous* atau *Real Time*)
- Penggunaan alatan pembelajaran *Web 2.0* bagi aplikasi segerak dan tidak segerak (*asynchronous*)
- Aplikasi Strategi Pembelajaran dalam talian berasaskan Teknik keterlibatan (*engagement*) pembelajaran
- Gamifikasi melalui *game based challenge*
- *Micro-credential*

6.0 PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Pelaksanaan P&P-DT yang efektif perlu mempunyai gabungan **TIGA (3)** elemen e-pembelajaran seperti berikut:

6.1 **Bahan ePembelajaran** seperti e-nota (pdf, ppt, doc), rakaman video / audio / skrin, persembahan berbentuk penceritaan, animasi dan perisian *Web 2.0*, simulasi atau realiti maya (VR), realiti luasan (AR), syarahan secara langsung, kandungan interaktif digital dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan membolehkan pelajar membuat pembelajaran kendiri berkaitan sesuatu topik berdasarkan bahan yang telah disediakan oleh pensyarah. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 40%.

6.1.1 Video boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu video asli/ pembangunan sendiri atau video guna semula/pautan daripada video sedia ada.

6.1.2 Video asli yang dihasilkan dan dibangunkan sendiri boleh terdiri daripada pelbagai jenis seperti berikut:

i. Rakaman pengajaran
ii. Temu bual dengan pakar
iii. Kerja lapangan
iv. Animasi untuk konsep-konsep yang kompleks.

6.1.3 Kandungan video untuk setiap aktiviti perlu dibahagikan kepada segmen-segmen kecil untuk menarik minat pelajar dan membantu proses pembelajaran. Contoh pengiraanya adalah seperti berikut:

i. Setiap durasi video ceramah, 10 minit bersamaan 1 jam ceramah konvensional. Memandangkan durasi video ditentukan oleh kandungan topik, sekiranya untuk minggu pertama, topik pertama, durasi video adalah 5 minit, maka 5minit x (1 jam/10) bersamaan 0.5 jam SLT. (Rujuk Garis panduan terperinci, perkara 11.3).

ii. Pembangunan video berdurasi kurang daripada 3 minit digalakkan dengan mengambil kira saiz video, sekurang-kurangnya 15Mbps. Saiz yang kecil tidak akan membebankan pelajar untuk muat turun kerana kandungan saiz video yang kecil. Ini sangat sesuai bagi membantu pelajar di kawasan capaian internet sederhana dan rendah.

6.1.4 Kepelbagaian bentuk kandungan ini boleh meningkatkan minat pelajar untuk mengikuti bahan pembelajaran.

6.1.5 Setiap topik perlu mempunyai bahan bacaan tambahan yang boleh dikaitkan dengan aktiviti pembelajaran yang disediakan dalam kandungan dan pentaksiran. Ini untuk memastikan pelajar membaca bahan bacaan tambahan yang disediakan.

6.2 **Aktiviti pembelajaran** seperti penggunaan forum, padlet, telesidang yang menggunakan aplikasi contohnya *youtube live classroom* atau *hangout meet* (menggunakan bahan sama ada teks, video atau audio), dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan untuk mewujudkan sesi interaksi dua hala antara pelajar dan pensyarah sama ada untuk bertanyakan soalan ataupun membuat perbincangan lanjut berkaitan sesuatu topik. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 40%. Dilampirkan contoh jadual pelaksanaan pembelajaran secara atas talian seperti di **Lampiran 3: *Online Class – How not to bore your students*.**

6.3 **Pentaksiran** dalam talian seperti kuiz, tugasan, penilaian, refleksi, *ePortfolio* dan lain-lain yang bersesuaian. Item ini bertujuan untuk membantu pensyarah memantau pembelajaran pelajar di samping memastikan keberhasilan pelajar dalam memahami topik yang telah disediakan. Peratusan pembelajaran pelajar untuk elemen ini adalah sebanyak 20%. (Rujuk: GP PTG JPT 2020).

7.0 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

7.1 Amalan Penjajaran Konstruktif sebagai bukti P&P menepati Hasil Pembelajaran Kursus-HPK (*Course Learning Outcome-CLO*) yang dipetakan ke pentaksiran dan aktiviti yang mengambil kira Jam Belajar Pelajar (SLT).

7.2 Memastikan alat ePentaksiran mestilah sejajar dengan HPK serta aktiviti P&P menyokong HPK.

7.3 Membangunkan Tugasan ePentaksiran yang autentik yang akan memperlihatkan kemenjadian pelajar yang ingin menguasai kandungan kursus yang diikuti. Tugasannya berbentuk pentaksiran holistik dan autentik diukur berdasarkan Pentaksiran Formatif ataupun Sumatif. Ia berlaku secara pentaksiran berterusan sepanjang semester berlangsung.

7.4 ePentaksiran sewajarnya dapat memberikan konteks kehidupan sebenar (*real life context*) seumpamaya melalui kajian kes, Pembelajaran Berasaskan Masalah *(Problem Based Learning-PoBL), Project Based Learning (PBL)*, Analisis Kes dan mana-mana teknik yang bersesuaian dengan HPK.

7.5 Merancangkan pentaksiran berasaskan JBP (SLT) agar HPK yang dirancang agar Hasil Pembelajaran Program yang dirancang akan tercapai. Ketelitian merancangkan ePentaksiran amat penting agar ia memberikan nilai tambah kepada pengetahuan baharu, kemahiran serta kompetensi pelajar. Beban tugasan berasaskan wajaran amat diambil kira agar ia selari dengan kiraan jam kredit bagi kursus tersebut.

Apakah Penjajaran Konstruktif?

Penjajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta tugasan pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai dengan cara tidak lazim yang biasanya tidak boleh dicapai melalui kuliah tradisional, kelas tutorial dan peperiksaan.

Memupuk graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang memerlukan transformasi serta anjakan minda dari segi reka bentuk kurikulum, aktiviti pembelajaran serta juga bentuk tugasan yang digunakan untuk pentaksiran.

Pendekatan pendidikan yang diamalkan di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia perlulah lebih menekankan kepada hasil pembelajaran yang menjurus kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran, adab dan sikap seperti yang digariskan dalam lapan Domain Hasil Pembelajaran (DHP) Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

HASIL PEMBELAJARAN | PROSES PENYAMPAIAN | PENTAKSIRAN

PENJAJARAN KONSTRUKTIF

BLOOM'S DIGITAL TAXONOMY FOR THE WEB

Rujukan: Andrew Churches, Churches, Andrew. (2008). Bloom's Digital Taxonomy

8.0 JAM BELAJAR PELAJAR (*STUDENT LEARNING TIME-SLT*)



Kuliah dalam talian perlu disetarakan dengan jam pembelajaran pelajar (SLT) mengikut panduan seperti berikut:

i. Bagi video / audio, SLT adalah dikira dengan lima kali masa sebenar video/ audio. Sebagai contoh, 10 minit video adalah bersamaan 1 jam atau 60 minit bersemuka secara fizikal. Bagi nota digital, laman web dan yang seumpamanya, SLT adalah dikira dengan anggaran lima minit untuk satu paparan skrin atau muka surat.

ii. Bagi kuliah interaktif (telesidang video/ audio/ teks atau forum) dan pentaksiran (kuiz/ tugasan dalam talian), SLT adalah dikira mengikut anggaran masa sebenar aktiviti tersebut berlangsung.

8.1 Pensyarah boleh menjalankan penyampaian secara pembelajaran dan pembelajaran secara segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*) bagi membolehkan pelaksanaan pembelajaran berlangsung secara fleksibel dalam tempoh penawaran kursus tersebut. *Mixed and Match Synchoronous* dan *Asynchronous* (Segerak dan Tidak Segerak) boleh digalakkan pada ketika capaian internet di paras rendah dan sederhana.

8.2 Satu Cadangan Jadual yang memaparkan SLT pelajar dilampirkan dalam melaksanakan P&P DT sepanjang PKP mengikut Kalendar Akademik Baharu UMK. Sila rujuk **Lampiran 4: *Student Learning Time (SLT) NF2F MCO* 26 April – 30 Julai 2020**. SLT bagi pelbagai kaedah pentaksiran adalah mengikut pengiraan SLT berasaskan Pengiraan SLT yang berpandukan Panduan MQA yang sedia ada.

9.0 PROSES IMPLEMENTASI PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN (PTG-DT)

9.1 Pensyarah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pelajar aktif dalam pembelajaran dalam talian melalui laporan bagi setiap item e-pembelajaran. Sekiranya terdapat pelajar yang gagal atau lemah dalam setiap pentaksiran yang dibuat secara dalam talian, pensyarah perlu mengambil tindakan bersesuaian dalam memastikan tiada keciciran pelajar bagi kursus tersebut.

9.2 Rekod pelaksanaan kelas dalam talian dan penglibatan pelajar dalam aktiviti dalam talian tersimpan dalam *eAttendance* di Portal *eCampus* yang diperoleh secara automatik setelah 3 elemen dibuat secara efektif. Ia akan disimpan sebagai bukti pelaksanaan pengajaran dan juga bukti kehadiran pelajar.

9.3 Pelaksanaan Kuliah adalah berlangsung mengikut Jadual Kuliah sedia ada NAMUN ia berlangsung secara dalam Talian.

9.4 Bagi mengatasi kesukaran capaian internet digalakkan menggunakan P&P secara tidak segerak (*asynchronous*) serta eBahan berasaskan teks dan bahan video yang telah dipadatkan pada saiz yang kecil antara 2MBPS hingga 15MBPS yang berdurasi kurang daripada 3 minit.

BAHAGIAN KEDUA

10.0 GARIS PANDUAN UMUM

10.1 Diperuntukkan 1 jam kredit adalah bersamaan dengan 40 jam notional pembelajaran pelajar termasuk pembelajaran kendiri dan pentaksiran.

10.2 Pelaksanaan bagi masa pembelajaran efektif, iaitu 50-80% (*Effective Learning Time*) dianggap aktiviti pembelajaran berasaskan kerja (*Work Based Learning*) termasuk teori, garis panduan industri dan pentaksiran. Contonhnya; 80 jam (2 minggu) aktiviti untuk latihan industri bersamaan dengan 1 kredit (50% x 80j = 40j).

10.3 Garis panduan terperinci:

Garis Panduan Pembelajaran Berpandu		
Pembelajaran berpandu Dalam Talian	Aktiviti	Garis panduan SLT
	L	*1 hour/week/credit*
	T	*2 hour/week/credit*
	P	*2-3 hour/week/credit*
	O	*A total of 2-3 hours/week/credit for both Guided and Independant Learning Time*
Pembelajaran tidak berpandu	L	*0.5 to 1 hour for each 1 hour of Lecture*
	T	*0.5 to 1 hour for each 1 hour of Tutorial*
	P	*0.5 to 1 hour for each 1 hour of Practical*
	O	*A total of 2-3 hours/week/credit for both Guided and Independent Learning Time*
*L= Kuliah ; T= Tutorial ; P= Praktikal ; O= Lain-lain		
Garis Panduan Pentaksiran		
Pentaksiran	F	*~ 1 min/mark/kredit*
	T	*~ 1 min/mark/kredit*
	A	*~ 1 min/mark/kredit*
	O	*~ 1 min/mark/kredit*
Pembelajaran tidak perpandu	F	*~4 min untuk 1 min masa menjawab*
	T	*~4 min for each 1 min masa menjawab*
	A	*~4 min for each 1 min masa menjawab*
	O	*~4 min for each 1 min masa menjawab*
*F= Peperiksaan akhir; T= Ujian; A= Tugasan/Kerja khusus/pembentangan/laporan dalam bentuk video; O= Lain-lain		

** Garis Panduan ini dibaca bersama Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) JPT 2020.

11.0 PANDUAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN *(Online Learning)*

Panduan ini diagihkan kepada empat (4) bahagian utama:

11.1 Reka Bentuk Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)*

Reka Bentuk Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)* merangkumi elemen-elemen pembelajaran berpusatkan pelajar di mana ia membolehkan para pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Aktiviti- aktiviti ini mesti diambil kira dalam pengiraan masa pembelajaran pelajar. Penanaman kemahiran generik dan aktiviti khusus yang dijalankan dalam kursus mestilah dikenal pasti, dinilai dan dianalisis. Berikut adalah disyorkan:

11.1.1 Para pensyarah mesti memastikan pelajar mempunyai capaian internet di rumah sebelum menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengajaran dan pembelajaran dalam talian tidak dibenarkan sekiranya pelajar-pelajar mempunyai capaian internet yang terhad dari lokasi yang mereka berada. Para pensyarah digalakkan mengutamakan sistem *Online Learning* rasmi UMK iaitu ***Learning Management System (LMS) eCampus*** **(rujuk Lampiran 5)** sebagai platform utama dalam mengendalikan *Online Learning*. Walau bagaimanapun, UMK membenarkan penggunaan platform lain jika terdapat sejumlah kecil pelajar dengan capaian internet terhad. Dalam kes ini, kaedah alternatif lain boleh digunakan untuk aktiviti akademik selagi mana sebilangan pelajar kecil ini dapat mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes*).

11.1.2 Para pensyarah perlu merekod penglibatan pelajar dalam proses P&P *Online Learning* melalui aplikasi ehadir UMK. Para pelajar boleh membuat imbasan kod QR yang diberikan oleh pensyarah atau mengaktifkan butang *Online Learning* bagi yang menggunakan platform *ecampus* sahaja. Paparan Sistem e-Hadir (Rujuk Lampiran 6) boleh diakses melalui https://portal.umk.edu.my/.

11.1.3 Semua pelaksanaan *Online Learning* perlu dikumpulkan dan didokumentasikan untuk tujuan audit oleh para pensyarah.

11.1.4 Pihak PKPA akan merangka strategi untuk memantau, mengumpul dan menyimpan semua dokumen pelaksanaan *Online Learning* daripada pensyarah semasa wabak pandemik COVID-19.

11.1.5 Semua pelaksanaan *Online Learning* hendaklah sejajar dengan Hasil Pembelajaran Kursus dan disampaikan secara dalam talian.

11.1.6 Bagi kursus-kursus yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti khidmat komuniti (Ko-K), khidmat pembelajaran, pembelajaran berasaskan kerja dan sebagainya, para pensyarah perlu memastikan bahawa Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dapat dicapai melalui kaedah *Online Learning*. Dalam kes ini, para pensyarah boleh merekabentuk aktiviti dalam talian yang bersesuaian termasuk penilaian yang boleh mengukur pencapaian CLO.

11.1.7 Para Pensyarah mesti merancang komponen *Online Learning* bagi memenuhi masa yang diperlukan untuk keperluan kredit kursus. Pengiraan jumlah jam pengajaran hendaklah berdasarkan kepada Garis Panduan e-Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2014, seperti berikut:

a) Masa yang dihabiskan dalam interaksi langsung segerak (*synchronous*) contohnya menggunakan *Webex* atau *Google Meet* dan bergabung dengan tidak segerak (*asynchronous*) contohnya video yang dirakam dalam interaksi langsung, '*YouTube*' dan lain-lain.

b) Masa purata adalah sekurang-kurangnya 30 minit untuk interaksi langsung segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*) bagi 1 jam kelas.

c) Masa yang diperuntukkan untuk tugasan berasaskan media diperlukan. Peruntukan masa ini adalah untuk aktiviti seperti menonton video pra-rakaman, audio, simulasi atau animasi.

d) Masa yang diperlukan untuk menghabiskan kandungan pembelajaran. Ini termasuk aktiviti secara dalam talian di mana pelajar membaca artikel dan menonton video. Pensyarah perlu membuat anggaran yang munasabah. Rata- rata pelajar universiti menghabiskan 2 minit untuk menghabiskan artikel panjang bersaiz A4. Sebagai contoh: Para pelajar perlu membaca artikel 10 halaman (Dengan mengandaikan bahawa satu halaman mempunyai sekitar 500 perkataan) = 2 minit x 10 muka surat = 20 minit.

11.1.8 Semasa tempoh PKP wabak pandemik COVID-19, perancangan aktiviti secara *Online Learning* perlu digunakan sepenuhnya untuk pembelajaran bersama pelajar.

11.1.9 Para pensyarah akan mendokumenkan rancangan *Online Learning* mereka iaitu melalui tangkapan skrin (*screenshot*) dan sebagainya.

11.1.10 Reka Bentuk Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*) harus mempertimbangkan reka bentuk interaksi secara dalam talian dan reka bentuk strategi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

11.1.11 Reka Bentuk Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*) mesti mempertimbangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai seperti pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan masalah, dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.

11.1.12 Sekiranya perlu, perancangan *Online Learning* harus mempunyai gabungan aktiviti pembelajaran aktif dalam talian yang memanfaatkan pelbagai jenis interaksi untuk meningkatkan keberkesanan *Online Learning*.

11.1.13 Bagi semester Februari 2019/2020, kelas dikendalikan secara *Online Learning* di antara tarikh 26 April 2020 hingga 25 Jun 2020. Pensyarah mengguna pakai jadual kelas pengajaran sedia ada.

11.2 Penyampaian Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)*

11.2.1 Semasa tempoh PKP wabak pandemik COVID-19, antara alternatif utama untuk penyampaian *Online Learning* yang disyorkan adalah: pembelajaran secara segerak, tidak segerak, atau berasaskan tugasan Sila rujuk **Lampiran 7**.

11.2.2 Antara alternatif-alternatif di atas, pembelajaran dalam talian segerak yang digabungkan dengan tidak segerak adalah digalakkan untuk pelaksanaan *Online Learning* kerana ia membolehkan para pelajar belajar secara langsung dan membolehkan pelajar mengulangkaji pada ketika dan masa mereka sendiri.

11.2.3 Penyampaian Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)* harus interaktif dan menarik sambil menekankan elemen kognitif, elemen pengajaran dan elemen sosial.

11.3 Penilaian Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)*

11.3.1 Mulai 26 April 2020, semua pentaksiran berterusan akan dijalankan secara dalam talian. Pentaksiran ini termasuk: pembentangan, penilaian formatif, dan tugasan pelajar.

11.3.2 Untuk penilaian secara dalam talian, pensyarah digalakkan untuk menggunakan portal *eCampus* UMK.

11.3.3 Penilaian dalam talian boleh berbeza mengikut jenis. Jenis penilaian dalam talian boleh merujuk kepada Lampiran 8.

11.3.4 Para pensyarah digalakkan untuk menjalankan penilaian berterusan alternatif secara dalam talian.

11.3.5 Semua prosedur dalam membuat penilaian dalam talian mesti mengikut prosedur standard seperti yang diterangkan dalam piawaian MQA dan keperluan lain yang berkaitan.

11.3.6 Untuk *take home quiz* secara dalam talian, pensyarah mesti mengambil kira kebolehcapaian internet pelajar serta masa yang diambil.

11.3.7 Pelaksanaan peperiksaan akhir dalam talian bergantung kepada keputusan oleh pengurusan UMK dan pekeliling oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan wabak pandemik COVID-19.

11.3.8 Penyelaras dan pensyarah hendaklah membuat penyediaan yang perlu sebelum, semasa dan selepas penilaian secara dalam talian.

11.4 Alat (Tools) Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*)

11.4.1 Para pensyarah mesti memastikan *webtools Online Learning* yang sesuai dipilih untuk mengukur hasil pembelajaran yang diinginkan.

11.4.2 *Webtools Online Learning* boleh dipilih. Antaranya alat untuk penyampaian pengajaran dalam talian, aktiviti pembelajaran aktif dan penilaian dalam talian.

11.4.3 Pensyarah digalakkan menggunakan sepenuhnya *webtools Online Learning* yang terdapat di portal *e-campus* UMK.

11.4.4 Pensyarah perlu memastikan bahawa mereka faham akan aspek teknikal penggunaan *webtools Online Learning* sebelum menggunakannya. Sila rujuk video *UMK e-Training* (*Continuous Professional Development eLearning* UMK 2020) https://www.youtube.com/channel/UCKT6z5x0LATB73FpVdXnBWQ).

11.4.5 Pensyarah perlu memastikan bahawa pelajar diberikan pengetahuan yang mencukupi tentang penggunaan *webtools Online Learning* untuk pengajaran dan pembelajaran.

LAMPIRAN

Lampiran 1:
Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19

Lampiran 2:
Advisory Note No.4/2020 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan

Lampiran 3:
Online Class – How not to bore your students

Lampiran 4:
Student Learning Time (SLT) NF2F MCO 26 April – 30 Julai 2020

Lampiran 5:
Learning Management System (LMS) eCampus

Lampiran 6:
Sistem EHadir

Lampiran 7:
Penyampaian Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)*

Lampiran 8:
Cadangan Penilaian Pembelajaran Dalam Talian *(Online Learning)*

Lampiran 9:
Kenyataan Media KPT: Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020

Lampiran 10:
Pekeliling Akademik Bilangan 13/2020: Penangguhan Kemasukan Semua Pelajar Secara Bersemuka (Baharu dan Lama) Sesi Akademik 2020/2021 Bagi Universiti Malaysia Kelantan

Lampiran 1

Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

PANDUAN UMUM

1. Panduan ini adalah bersifat ***advisory*** kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang tindakan dan langkah pemulihan sementara sistem pengajian yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan bagi kemungkinan perlanjutan tempoh tersebut melangkaui 14 April 2020. Panduan ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak** berkuasa dari semasa ke semasa termasuk Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT), dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dan lain-lain.

2. Tindakan dan langkah sementara yang diambil oleh PPT dalam tempoh krisis ini diletakkan di atas **tanggungjawab dan autonomi Senat/ Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar** (semasa dan pasca krisis) berdasarkan peruntukan perlembagaan masing-masing, kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebajikan pelajar semasa dan akan datang dalam membuat sebarang pelaksanaan tindakan dan langkah sementara tersebut

3. MQA akan mengambil kira perkara ini dalam penilaian akreditasi sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan dan penambahbaikan yang dirancang hanya dapat dilaksanakan setelah keadaan kembali pulih. **MQA bersedia memberikan fleksibiliti yang bersesuaian kepada PPT** dan akan membuat penyelarasan bersama Panel Penilai MQA.

4. Oleh itu, PPT dinasihatkan untuk merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa.

5. Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT adalah dinasihatkan untuk **menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih.** Tindakan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan keperluan. Ia boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat

berdasarkan keutamaan terutamanya bagi pelajar yang akan bergraduat dalam tempoh terdekat.

6. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakreditasi oleh MQA.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7. Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada *online* sepenuhnya termasuk aktiviti berbentuk amali

Pada umumnya PPT boleh mengambil langkah sementara dengan mengubah suai komponen pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka (termasuk *blended learning*) kepada kaedah atas talian sepenuhnya tertakluk kepada kesediaan pelajar, tenaga pengajar, sumber dan prasarana di PPT.

Kaedah-kaedah *remote learning* lain seperti pembelajaran berbentuk tugasan, dan pembelajaran kendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian. PPT perlu mengeluarkan panduan yang jelas kepada pelajar berkenaan perkara ini.

Pendedahan komponen amali (sama ada sebahagian atau keseluruhan kursus) boleh dilaksanakan melalui video*, virtual simulation* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk memastikan aktiviti amali yang dirancang adalah bersesuaian dan dapat mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

8. Penghentian pengajaran dan pembelajaran yang tidak diganti melalui kaedah *online/ remote learning* dan tidak digantikan setelah pembelajaran institusi beroperasi kembali

Pada prinsipnya ia bergantung kepada tahap penawaran sesuatu kursus. Penggantian melalui pembelajaran *online* atau tugasan pembelajaran adalah disyorkan semasa perintah sedang berjalan. Komponen yang tertinggal juga boleh ditawarkan secara *microlearning* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian di semester yang berikutnya.

Bagi kursus yang berstatus prasyarat, sesi pengukuhan boleh dilaksanakan sewaktu mengikuti kursus pascasyarat di semester berikutnya, tertakluk kepada kesesuaian.

PPT boleh mempertimbangkan langkah tidak menggantikan sekiranya penghentian kuliah berlaku di hujung silibus pembelajaran dan tenaga pengajar mendapati keperluan hasil pembelajaran pada tahap minimum telah dipenuhi.

Walau bagaimanapun, perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

STUDENT LEARNING TIME (SLT) / KREDIT

9. Kesan pengubahsuaian dan perubahan ini terhadap pengiraan SLT atau kredit serta pembelajaran dan penilaian pelajar

Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT **boleh** dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit, mencapai gred pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran minimum yang telah ditetapkan bergantung kepada kesesuaian bidang.

LATIHAN INDUSTRI

10. Penggantian tempoh pemendekan Latihan Industri (LI)

PPT boleh mempertimbangkan bahawa pelajar yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% hingga 80% daripada tempoh latihan industri untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian tersebut dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan. PPT bertanggungjawab mempertimbangkan pendedahan minima industri yang perlu dilalui oleh pelajar dalam memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.

11. Penggantian kursus LI dengan kaedah lain pendedahan industri

PPT boleh menggantikan LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian melalui program yang melibatkan kerjasama industri dan penyeliaan oleh pengamal industri (sebagai contoh projek berasaskan industri) bergantung kepada bidang pengajian pelajar. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

PENILAIAN PELAJAR

12. Penggantian peperiksaan akhir dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online,* tugasan dan sebagainya

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam,* peperiksaan secara *online,* tugasan akhir dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian. PPT perlu memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu.

Prinsip utama adalah kaedah-kaedah terbabit dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara sebaik mungkin berdasarkan situasi semasa aspek *validity, reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan.

13. Peperiksaan akhir yang tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar

Pada prinsipnya PPT boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan **(a)** merangkumi sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar **DAN (b)** telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

14. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/ Gagal

PPT diberikan autonomi untuk menentukan gred pemarkahan yang bersesuaian bagi menggambarkan pencapaian kompetensi pelajar terhadap satu-satu kursus. Namun dalam tempoh krisis ini, PPT boleh mempertimbang menggunakan indikator Lulus/ Gagal dengan mengambilkira kepentingan dan impak/ tekanan kepada pelajar. Adalah menjadi tanggungjawab PPT memastikan gred yang diperolehi pelajar menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan.

PENYELARASAN SISTEM SEMESTER

15. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian asal (*original study track*), PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan beban kredit yang lebih tinggi daripada biasa pada semester-semester berikutnya tertakluk kepada penawaran minggu pengajian maksimum 45 minggu setahun. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti komponen pengajian yang perlu dibuat pengulangan dan/ atau pengukuhan.

PPT adalah dinasihatkan memberi pilihan kepada pelajar untuk menentukan beban pengajian tambahan dan memberi perhatian kepada pelajar yang berisiko dalam kemajuan pengajian sekiranya mengambil beban pengajian tambahan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di https://www2.mqa.gov.my/sppav2/ atau e-mel skp@mqa.gov.my .

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
29 MAC 2020

Lampiran 2

Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

ADVISORY NOTE NO. 4/2020

PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENDAHULUAN

1. YAB Perdana Menteri melalui perutusan pada 1 Mei 2020 dan 10 Mei 2020 telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020 dan pelanjutan sehingga 9 Jun 2020. PKPB telah membenarkan sektor ekonomi dimulakan tetapi dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Di samping pelaksanaan tersebut, terdapat beberapa sektor yang belum boleh dibuka semula seperti sektor pendidikan yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti dan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang lain.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 27 Mei 2020 berkenaan Pengendalian Aktiviti Akademik Di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaklumkan bahawa semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan **secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020** dan semua aktiviti PdP **secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.** Pengecualian diberikan kepada lima (5) kategori pelajar yang berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat bagi melaksanakan PdP seperti di kenyataan media tersebut.

3. Berdasarkan pemerhatian kepada perkembangan di luar negara, terdapat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar negara telah mula merancang pengendalian *online/ remote learning* sepenuhnya bagi sistem pengajian mereka sehingga penghujung tahun 2020 dengan kemungkinan melanjutkannya ke tahun 2021 sekiranya situasi masih memerlukan.

4. Kesinambungan daripada pemakluman MQA berkenaan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca PKP COVID-19 bertarikh 29 Mac 2020, panduan ini adalah bersifat ***advisory*** kepada PPT dalam merancang pelanjutan sistem pengajian secara *online/ remote learning* sehingga penghujung tahun 2020 atau ke tempoh lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Keutamaan perancangan dan pendekatan PdP adalah:

    i. menyokong usaha kerajaan dalam mengoptimumkan penjarakan sosial dan memutuskan rantaian jangkitan dalam membendung penularan sepenuhnya COVID-19;

    ii. memastikan kelangsungan kemajuan pengajian pelajar; dan

iii. memelihara kualiti pengajian bagi memastikan kepentingan peluang pelajar dalam prospek kerjaya pada masa akan datang.

5. Panduan ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa** dari semasa ke semasa termasuk Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) KPT dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional.

6. Senat/ Lembaga Akademik PPT adalah bertanggungjawab dan diberikan autonomi untuk memutuskan pelaksanaan program dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berdasarkan peruntukan perlembagaan masing-masing serta kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebajikan pelajar dan kakitangan dalam pelaksanaan ini. PPT hendaklah memastikan sebarang pindaan dan penyelarasan direkod untuk tujuan rujukan semasa penilaian akreditasi pada masa akan datang.

7. PPT merujuk kepada UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakreditasi oleh MQA.

PENCAPAIAN HASIL PEMBELAJARAN

8. Pada umumnya sebarang perubahan dan pengubahsuaian kepada PdP perlu meletakkan pencapaian hasil pembelajaran program sebagai parameter utama. Selaras dengan ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF), semua program yang diakredit MQA perlu meliputi lima (5) kluster hasil pembelajaran.

9. MQA mendapat makluman akan cabaran dan kesukaran PPT untuk membuat penyampaian dan pengukuran pencapaian bagi domain hasil pembelajaran pelajar tertentu dalam PdP alternatif yang diubah suai. Antara domain hasil pembelajaran tersebut merangkumi:

   i. *Ethics and Professionalism*;
   ii. *Interpersonal and Communication Skills*;
   iii. *Leadership, Autonomy and Responsibility*; dan
   iv. *Personal and Entrepreneurial Skills*

10. Selaras dengan itu, PPT boleh mempertimbangkan sewajarnya untuk membuat pengubahsuaian dan pelarasan semula kepada aspek penilaian dan kaedah pengajaran sejajar dengan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Ini bagi memastikan hasil pembelajaran tersebut masih dapat diukur dan dicapai oleh pelajar setelah mereka menyelesaikan kursus di dalam situasi dan pengendalian yang berbeza. Ini termasuk menyelaras semula agihan hasil pembelajaran kursus yang mana domain pembelajaran yang sukar disampaikan dan dinilai melalui kaedah alternatif dianjakkan ke kursus-kursus lain yang bersesuaian di semester yang dijangkakan boleh dikendalikan melalui kaedah bersemuka.

11. PPT bertanggungjawab untuk memastikan pelajar dimaklumkan berkenaan penyelarasan yang hendak dilaksanakan terutama yang berkaitan dengan perubahan aspek penilaian. Ini supaya pelajar dapat membuat persediaan awal dari segi mental dan fizikal.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

12. Merujuk kepada *Advisory Note* Bil.1/2020 'Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca PKP COVID-19' yang dikeluarkan MQA pada 29 Mac 2020, PPT (yang mengendalikan program secara konvensional) telah diberikan fleksibiliti untuk mengendalikan PdP bagi kursus-kursus secara *online/ remote learning*. Tindakan ini berupa langkah sementara sehingga keadaan kembali pulih. Mengambil kira normal baharu dan pemakluman terkini KPT, PPT perlu meneruskan pengendalian secara *online/ remote learning* sehingga tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

13. Dalam pada itu, MQA mengambil maklum terdapat kursus-kursus yang kritikal dilaksanakan secara bersemuka dan sukar digantikan secara *online/ remote learning* terutama kursus-kursus yang bersifat teknikal, klinikal, penyelidikan kerja makmal atau lain-lain aktiviti yang melibatkan keperluan kompetensi kemahiran yang spesifik. Dalam hal ini, PPT dinasihatkan untuk secara kreatif dan berinovasi dalam menyusun kursus-kursus di semester yang terkesan seperti berikut:

    i. meningkatkan tumpuan penawaran kursus-kursus yang melibatkan teori atau berklasifikasi sebagai kursus asas / Mata Pelajaran Umum (MPU)/ kursus universiti/ lain-lain yang sesuai dikendalikan secara efektif melalui *online/ remote learning* sepenuhnya terutamanya kepada pelajar di awal peringkat pengajian. Ini termasuk pelajar antarabangsa pengambilan baharu yang masih belum boleh datang ke Malaysia atas sekatan perjalanan;

    ii. kursus-kursus yang melibatkan aktiviti praktikal/ amali boleh disesuaikan dengan menggunakan pendekatan *virtual simulation*, *virtual lab*, *animation, gamification* atau kaedah lain; dan

    iii. komponen pembelajaran yang kritikal dilaksanakan bersemuka yang tidak dapat diganti melalui kaedah *online/ remote learning* dianjakkan ke semester akan datang atau dikendalikan selaras dengan mana-mana kebenaran khas pihak berkuasa.

14. PPT juga digalakkan untuk mempertimbangkan berkongsi kemudahan pembelajaran dengan pelajar-pelajar daripada PPT lain yang tinggal di kawasan berdekatan. Ini akan memberikan lebih impak positif dalam membantu pencapaian kemahiran pelajar-pelajar tersebut. Namun, pelaksanaan ini perlu disesuaikan dengan normal baharu yang ditetapkan.

hendaklah mengutamakan pelajar-pelajar yang bakal bergraduat dan memastikan pelajar-pelajar tersebut melengkapkan kesemua keperluan program termasuk aktiviti praktikal dan pendedahan industri.

WORK-BASED LEARNING (WBL)/ 2U2i/ LATIHAN INDUSTRI

16. Dengan keadaan semasa, terdapat industri yang sedang giat memulihkan ekonomi mereka. Lantaran itu, terdapat situasi di mana industri keberatan menerima pelajar latihan industri. Oleh yang demikian, PPT boleh membuat pindaan semester latihan industri ke semester berikutnya atau menggantikan komponen industri/ latihan industri tersebut kepada alternatif lain yang bersesuaian bergantung kepada bidang program dan memenuhi hasil pembelajaran.

17. PPT digalakkan untuk memberi penekanan kepada pendedahan industri supaya pelajar mendapat manfaat yang optimum untuk persediaan mereka di alam kerjaya. Kaedah lain yang boleh dipertimbangkan adalah seperti *industry-based project, problem-based project*, *topical studies* atau *research project*. PPT juga boleh menggabungkan beberapa aktiviti bagi memastikan hasil pembelajaran yang ditetapkan adalah tercapai. PPT boleh mempelbagaikan kaedah pelaksanaan dengan membahagikan topik-topik yang besar kepada komponen yang lebih kecil mengikut hasil pembelajaran kursus dan dilaksanakan sendiri oleh pelajar dengan penyeliaan staf akademik dan/ atau pengamal industri.

18. PPT yang mempunyai program yang sama tetapi dijalankan dalam dua mod yang berbeza iaitu mod kerja kursus dan industri (2u2i) atau WBL, boleh mempertimbangkan untuk menukarkan pelajar mod industri kepada mod kerja kursus. Pengubahsuaian ini adalah untuk memastikan pelajar dapat meneruskan program dalam situasi yang mencabar ini. PPT boleh menggantikan kursus latihan industri selaras dengan perkara di atas.

MICRO-CREDENTIAL (MC)

19. PPT juga boleh mempertimbangkan pengubahsuaian *online/ remote learning* kursus-kursus berkonsep *microlearning* dan *micro-credential* (MC) dalam bentuk pelaksanaan unit pembelajaran yang lebih kecil bagi meningkatkan aspek *personalization*. Ini akan menawarkan fleksibiliti kepada pelajar dalam memilih kursus MC yang ingin diikuti mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

20. MC boleh ditawarkan kepada pelajar antarabangsa di luar negara yang belum boleh datang ke Malaysia dan mendaftar di kampus disebabkan oleh sekatan perjalanan.

21. Kursus MC yang telah diikuti dengan jayanya boleh digunakan oleh pelajar untuk mendapatkan pindahan kredit ke program yang akan diikuti (berdasarkan tahap dalam Kerangka Kelayakan Malaysia).

22. Selain daripada itu, MC juga boleh ditawarkan bagi memperkukuhkan hasil pembelajaran yang dikenalpasti terjejas semasa pelaksanaan PKP dan PKPB.

PENILAIAN PELAJAR

23. PPT dibenarkan membuat penyelarasan dan pengubahsuaian terhadap kaedah penilaian berterusan atau penilaian akhir bentuk baharu yang dijajarkan dengan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Penggunaan kaedah penilaian alternatif perlu dipraktiskan agar hasil pembelajaran dapat diukur dengan berkesan. Penyelaras program atau *Subject Matter Expert* (SME) hendaklah menentukan kesesuaian dan kecukupannya.

24. PPT digalakkan untuk meneruskan **Penilaian Formatif** mengikut kesesuaian di mana maklum balas atau dapatan daripada penilaian ini akan dapat membantu pelajar mengetahui kelemahan dari aspek pemahaman/ penguasaan topik untuk diperbaiki. Maklum balas melalui penilaian formatif turut membantu staf akademik untuk merancang dan mengendalikan PdP dengan lebih berkesan.

25. Untuk **Penilaian Sumatif**, PPT boleh mengenalpasti kaedah penilaian berterusan dan penilaian akhir yang bersesuaian bagi menentukan pengukuran hasil pembelajaran pelajar.

GRED PEMARKAHAN PELAJAR

26. PPT diberikan autonomi untuk menentukan sistem penggredan yang bersesuaian bagi menggambarkan pencapaian kompetensi pelajar terhadap satu-satu kursus semasa tempoh krisis. Namun, PPT mestilah mempunyai sistem penggredan yang telus dan sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan dan diperjelaskan kepada pelajar. PPT juga boleh mempertimbangkan kaedah yang membenarkan pelajar menentukan cara penggredan tersebut dinyatakan di dalam transkrip mereka.

SYARAT KEMASUKAN PELAJAR

27. MQA telah mengeluarkan pemakluman bertarikh 13 April 2020 bertajuk ‘Panduan Kemasukan Pelajar Tempatan Akibat Penangguhan/ Pembatalan Peperiksaan Sekolah Menengah Luar Negara dan Ujian Kompetensi Bahasa Inggeris Tempatan/ Antarabangsa Disebabkan Penularan COVID-19’

yang mana PPT dibenarkan untuk membuat pengambilan **pelajar tempatan** secara tawaran bersyarat mengikut kriteria yang dinyatakan.

28. Pengambilan pelajar luar negara adalah berdasarkan syarat kemasukan yang ditetapkan. Mengambil kira pembatalan/ penangguhan peperiksaan sekolah menengah luar negara, pada prinsipnya, gred pelajar dan sijil yang dikeluarkan secara rasmi oleh pihak berkuasa negara berkaitan atau badan persijilan terbabit boleh diterima oleh PPT tempatan bagi tujuan kemasukan pelajar antarabangsa.

29. Pengambilan pelajar antarabangsa juga adalah berdasarkan ketetapan kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh KPT melalui surat berkenaan Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa bertarikh 9 Disember 2019. Berdasarkan pemerhatian MQA, beberapa ujian kompetensi antarabangsa yang ditetapkan oleh KPT seperti *Test of English as a Foreign Language Internet-Based Test* (TOEFL iBT) dan *International English Language Testing System* (IELTS) telah menawarkan ujian dalam talian yang boleh diambil oleh calon di rumah masing-masing. *Pearson PTE Academic* juga ditawarkan di sejumlah lokasi di seluruh dunia termasuk Malaysia dengan kehadiran bilangan calon yang terhad.

30. Dalam pada itu, PPT boleh melaksanakan pengecualian pencapaian kompetensi Bahasa Inggeris kepada pelajar tempatan berdasarkan Pemakluman Mengenai Keputusan Dasar-Dasar Baharu IPTS yang dikeluarkan JPT bertarikh 27 Januari 2017 seperti berikut:

    i. Menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya; atau

    ii. Telah mengikuti pengajian di Malaysia dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan tertakluk kepada perkara (i); atau

    iii. Mempunyai kelayakan akademik di peringkat *O-Level* atau *A-Level*.

KEBAJIKAN PELAJAR

31. PPT yang melaksanakan PdP secara *online/ remote* hendaklah memastikan kebajikan pelajar dititikberatkan. Ini termasuk jadual waktu pengajian mereka hendaklah mengambil kira keadaan dan situasi semasa. PPT juga perlu memberikan sokongan kepada pelajar dengan menyediakan panduan dan maklumat yang lengkap untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan perubahan kaedah pembelajaran secara konvensional kepada secara *online/ remote*.

32. PPT hendaklah memastikan pelaksanaan PdP secara *online/ remote* dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar. Sekiranya pelajar mengalami kesulitan untuk mengikuti pembelajaran secara *online/ remote*, PPT hendaklah mengenal pasti kesulitan yang dihadapi oleh pelajar. Antara mekanisme yang boleh dipertimbangkan adalah menyediakan kemudahan pinjaman alat peranti mudah alih dan internet bagi membolehkan pelajar mengikuti program pengajian dengan efisien. PPT hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas pelajar dari semasa ke semasa supaya pembelajaran dapat berlaku/ berlangsung secara berkesan.

STAF AKADEMIK

33. PPT perlu memastikan staf akademik diberikan panduan, bimbingan dan sokongan yang bersesuaian dalam merancang dan melaksanakan pengubahsuaian secara *online/ remote learning*. Staf akademik hendaklah dibekalkan dengan kemudahan yang bersesuaian untuk memastikan pengajaran yang dijalankan secara *online/ remote* berjalan dengan lancar dan berkesan. Ini termasuk membenarkan staf akademik menggunakan kemudahan di kampus sekiranya diperlukan.

JAMINAN KUALITI DALAMAN

34. Pusat/ Unit Jaminan Kualiti Dalaman PPT bertanggungjawab memantau pelaksanaaan dan keberkesanan penyampaian program yang dijalankan secara *online/ remote* secara berterusan. Ini bagi memastikan isu atau masalah yang timbul semasa pengendalian program secara *online/ remote learning* dapat diatasi dan ditambah baik.

35. Pusat/ Unit Jaminan Kualiti Dalaman PPT perlu memantau keberkesanan pelbagai aspek tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih. Tindakan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan keperluan dan boleh dilaksanakan secara berperingkat.

KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM

36. Pengubahsuaian pelaksanaan PdP secara konvensional kepada *online/ remote* sepenuhnya tidak mengubah kaedah penyampaian program tersebut kepada kaedah *Open and Distance Learning* (ODL). Pengubahsuaian ini merupakan kebenaran khas kepada semua PPT secara interim dalam membantu PPT memberi tumpuan sepenuhnya untuk melaksanakan PdP yang terbaik dalam situasi yang mencabar ini.

37. Tidak dapat dinafikan perubahan dan pengubahsuaian ke atas program konvensional yang dilaksanakan terutama secara *online/ remote* dalam tempoh krisis ini akan dapat memberikan impak yang positif kepada PPT untuk menawarkan program secara ODL dan MC dengan lebih serius di masa akan datang.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppav2/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
29 MEI 2020

SENARAI DOKUMEN BERKAITAN YANG BOLEH DIRUJUK:

i. ***Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning (COPPA:ODL) Second Edition***
https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/COPIA/2019/Final%20COPPA-ODL%202nd%20edition%204.12.19.pdf

ii. ***Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning* (WBL)**
https://www2.mqa.gov.my/qad/PS/2019/GGP%20WBL%20BI%2023%20Jan%202019-merged.pdf

iii. ***Guideline on Micro-Credential***
https://www2.mqa.gov.my/QAD/garispanduan/Guideline%20on%20Micro-credential%2010%20Mei.pdf

iv. **Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 bertarikh 29 Mac 2020**
https://www.mqa.gov.my/pv4/document/advisoryNotes/Advisory%20Note%20No.%201%202020%20%20Panduan%20Pengendalian%20Prog%20PPT%2020200329.pdf

v. **Panduan Kemasukan Pelajar Tempatan Akibat Penangguhan/ Pembatalan Peperiksaan Sekolah Menengah Luar Negara dan Ujian Kompetensi Bahasa Inggeris Tempatan/ Antarabangsa Disebabkan Penularan COVID-19 bertarikh 13 April 2020**
https://www.mqa.gov.my/pv4/document/advisoryNotes/Advisory%20Note%20No.%202%20Panduan%20Kemasukan%20Pelajar.pdf

Lampiran 3

START
ACTIVITY
~5min
01
02
LECTURE (PPT)
~15min
ACTIVITY
~10min
03
04
LECTURE (PPT)
~15min
ASSESSMENT
REFLECTION
CLOSURE
10-15min
05
SUCCESS

Lampiran 4

STUDENT LEARNING TIME (SLT) NF2F MCO 26 APRIL-30 JULAI 2020

SLT Per Course - 3 Creadits+(120 Hours)

- Guided Learning - F2F (30 Hours)
- Guided Learning Online Learning - (12 Hours)
- Independent Learning (42 Hours)
- Assessment - Implemention (22 Hours)
- Assessment - Preparation (24 Hours)

- *Sumber - MQA MCO Mac 2020*
- *Kalendar Akademik Baharu PKP UMK*

Week	Guided Learning	Independent Learning	Assessment (implemention & Preparation)
Week 1	3 Hours	Lump Sum (15 Hours)	Done (Example : 10 Hours)
Week 2	3 Hours		
Week 2	3 Hours		
Week 4	3 Hours		
Week 5	3 Hours		
Semester Break (During Covid-19)	18 March - After Covid-19 Semester Break (New Academic Calendar)		
Week 6 (MCO Period)	Redesign the Scheme of Work (Balance 24 Hours) Suggestion • Remote Learning • Modular Based • By Course Outcomes • Understand Learners	Redesign the Scheme of Work (Balance 27 Hours) Suggestion • SKT Combine with Guided Learning	Redesign the Assessment (Balance 26 Hours) Suggestion • Alternative Assessment • Online Exam • Take Home Exam • Final Exam Equivalent i.e project, case study analysis and must be done individually
Week 7 (MCO Period)			
Week 8 (MCO Period)			
Week 9 (MCO Period)			
Week 10 (MCO Period)			
Week 11 (MCO Period)			
Week 12 (MCO Period)			
Week 13 (MCO Period)			
Week 14 (MCO Period)			
Total (Sub)	42 Hours	42 Hours	36 Hours
Total	120 Hours (3 Credits)		

THE EXAMPLE SLT CALCULATION

Lampiran 5 : ECAMPUS

HOW TO START eCAMPUS
(FIRST LOOK ON NEW eCAMPUS 2020)

1 LOGIN TO ECOMM.UMK.EDU.MY

2 GO TO “ADMIN” AND CLICK “E-LEARNING”



3 CLICK “MY COURSE AND YOU CAN SEE THE LIST OF YOUR COURSES



4 CLICK "TURN EDITING ON" TO ADD CONTENT

5 CLICK “ADD AN ACTIVITY OR RESOURCE”



6 CHOOSE AN ACTIVITY AND CLICK ADD





HOW TO ADD INFORMATION
(ADDING COURSE INFORMATION)

1 CLICK "TURN EDITING ON" IN YOUR COURSE



2 FIRST TIME ACCESS, CLICK “ADD WEEKS”





3 ADD “14” IN THE NUMBER OF SECTIONS





4 CLICK “EDIT” THEN “EDIT SECTION”





HOW TO ADD CONTENTS
(ADDING NOTES, HANDOUTS OR ANY MATERIALS)

5 TYPE THE DETAILS IN SU

***THE COURSE INFO MUST BE TYPED, IF N**



HOW TO ADD CONTENT
(ADDING NOTES, HANDOUTS OR ANY MATERIALS)

1 CLICK "TURN EDITING ON" IN YOUR COURSE



2 DRAG A FILE FROM YOUR STORAGE TO eCAMPUS

***ALL TYPES OF FILE CAN BE USED THIS METHOD (POWERPOINT, WORDS, PDF, MEDIA FILES-VIDEO/AUDIO).**





3 CLICK “ADD AN ACTIVITY OR RESOURCE”



4 CHOOSE ONE FROM THE LISTED METHODS





5 ADD FILE OR FOLDER FROM RESOURCES LIST

6 ADD "LABEL" FROM RESOURCES LIST

***LABEL CAN BE USED TO EMBEB VIDEO (YOUTUBE ETC.) OR PUT EXTERNAL LINK OR USE IFRAME CODE OR ALSO CAN BE USED TO ADD CUSTOM LABEL (IMAGE) FOR YOUR COURSE.**



OTHER METHODS CAN BE USED TO ADD COURSE CONTENT

HOW TO START A HANGOUT

(LIVE CLASSROOM - SYNCHRONOUSLY)

1 GO TO LINK “HTP://meet.google.com”



2 CLICK "+JOIN OR START A MEETING"

2 CLICK "+JOIN OR START A MEETING"

***PLEASE MAKE SURE THE EMAIL USED IS _____@siswa.umk.edu.my**





3 CLICK CONTINUE, LEAVE THE BOX BLANK



4 CLICK “JOIN NOW” TO START THE CLASS



5 CLICK “COPY JOINING INFO” & SHARE IT WITH STUDENTS



5 REFER TO THE SCREENSHOT TO ENABLE/DISABLE ANY FUNTION

***WHEN START YOUR ONLINE CLASSROOM, IT IS ADVICE THAT YOU ASK STUDENTS TO DISABLE THEIR MICROPHONE (ONLY ENABLE IF THEY NEED TO ASK QUESTION).**



HOW TO ASSESSMENT/QUIZ

(ADDING ASSESSEMENT/QUIZ)

1 CLICK "TURN EDITING ON" IN YOUR COURSE



2 CLICK “ADD AN ACTIVITY OR RESOURCE”



3 CHOOSE “QUIZ & CLICK ADD

4 FILL ALL RELATED DETAILS

*THERE ARE MANY SETTINGS IN THIS MODULE (CAN EXPLORE LATER-CLICK THE ICON ! ? TO LEARN/KNOW MORE), WE WILL ONLY SHOW SOME OF THE MOST IMPORTANT SETTINGS.





5 CLICK “EDIT QUIZ” TO START ADDING THE QUESTIONS

***QUESTION TYPES (MCQ/ ESSAY ETC.) CAN BE SELECTED WHEN CLICK “+A NEW QUESTION”.**



Lampiran 6: E-HADIR GUIDELINES

E-HADIR GUIDELINES

1 GO TO ECOMM PORTAL: http://ecomm.umk.edu.my/

2 GO TO ECOMM PORTAL: http://ecomm.umk.edu.my/



3 E-CAMPUS HOME PAGE

Click on MyCourses to choose
Your course





4 COURSE PAGE



5 LOGIN IN TO http://portal.umk.edu.my/



6 http://portal.umk.edu.my/

6 GO TO http://portal.umk.edu.my/

Click on Timetable



7 STUDENTS' ATTENDANCE REPORT





Lampiran 7

Penyampaian Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*)

Pihak PKPA mencadangkan tiga kaedah Penyampaian Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*) iaitu pembelajaran secara segerak (*synchronous*), pembelajaran secara tidak segerak (*asynchronous*), dan pembelajaran secara berasaskan tugasan. Berikut adalah butiran pembelajaran secara dalam talian '*asynchronous*', '*synchronous*' dan berasaskan tugasan:

Alternatif 1:

Pembelajaran secara *synchronous*. Ia bermaksud pembelajaran secara dalam talian berlaku dalam masa nyata, iaitu:

a. Menjalankan sesi pembelajaran secara langsung dengan pelajar menggunakan aplikasi *google meets, Webex* atau saluran lain.
b. Berkomunikasi secara interaktif dengan pelajar (komunikasi dua hala).
c. Mengendalikan aktiviti pembelajaran secara dalam talian dan interaksi berlaku dalam masa nyata walaupun di lokasi geografi yang berbeza.
d. Menjalankan pentaksiran masa nyata dengan pelajar menggunakan portal *ecampus* atau alat penilaian secara dalam talian yang lain.

Alternatif 2:

Pembelajaran secara *asynchronous*. Ia bermaksud pembelajaran secara dalam talian tidak berlaku dalam masa nyata, iaitu:

a. Tidak perlu menjalankan sesi secara langsung dengan pelajar.
b. Tidak dapat berkomunikasi dengan pelajar secara interaktif (komunikasi sehala).
c. Boleh mempunyai video pra-rakaman untuk menyokong rancangan pembelajaran secara dalam talian.
d. Boleh merancang aktiviti pembelajaran dalam talian menggunakan alat pembelajaran secara dalam talian seperti forum, *facebook* dan lain-lain.
e. Boleh melakukan pentaksiran secara *asynchronous* (bukan masa sebenar) sebaik sahaja pensyarah menetapkan tarikh dan masa untuk pentaksiran secara dalam talian.

Alternatif 3:

Pembelajaran secara berasaskan tugasan. Ia bermaksud pembelajaran secara dalam talian untuk memantau kemajuan pelajar berdasarkan tugasan yang diberikan kepada pelajar, iaitu:

a. Merancang pengajaran dan muat naik perancangan ini dalam bentuk arahan/tugasan melalui portal *ecampus*.
b. Memerlukan pelajar mengakses portal e-campus dan memuat naik/menyerahkan output daripada arahan/tugasan yang diberikan.
c. Menggunakan portal *ecampus* untuk memantau pembelajaran pelajar.
d. Mengamalkan pembelajaran campuran (*blended*) melalui portal *ecampus* iaitu *Resources, Activities and Assessments.*

Lampiran 8

Cadangan Penilaian Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*)

1. Mereka bentuk Penilaian Pembelajaran Dalam Talian (*Online Learning*)

    a. Prinsip untuk mereka bentuk pentaksiran secara *Online Learning* yang baik
    b. Pentaksiran secara dalam talian perlu diselaraskan dengan perancangan akademik dan relevan dengan hasil pembelajaran kursus.
    c. Instrumen penilaian secara dalam talian dan soalan-soalan mestilah jelas, ringkas dan bebas daripada kesamaran.
    d. Maklum balas yang lengkap dan tepat pada masanya perlu disediakan.
    e. Skema permarkahan harus adil, telus dan jelas disampaikan kepada pelajar.
    f. Pentaksiran dalam talian yang merangkumi soalan-soalan objektif hendaklah mengambil kira psikologi minda yang sesuai dan relevan untuk meminimumkan potensi meneka.
    g. Pendekatan pentaksiran secara *Online Learning* hendaklah dibuat berdasarkan tahap pelajar dan cakupan perancangan akademik yang diajar.
    h. Pertimbangan yang teliti perlu dititikberatkan khususnya berkenaan masa tugasan yang diberikan adalah realistik mengikut markah penilaian yang diberi.
    i. Pentaksiran secara dalam talian perlu mengelak daripada menguji kemahiran teknologi maklumat pelajar atau kebolehan mereka menggunakan alat penilaian secara dalam talian.

2. Pemilihan Alat Penilaian Secara Dalam Talian

Terdapat pelbagai jenis alat penilaian secara dalam talian yang tersedia seperti alat penilaian dalam Portal *ecampus* dan alat secara *Online Learning* yang lain. Pemilihan alat secara dalam talian untuk penilaian harus sesuai dengan kaedah penilaian untuk kursus tertentu.

Jadual di bawah menunjukkan senarai kaedah penilaian dan alat secara dalam talian yang ada.

Kaedah Penilaian Alat Dalam Talian

Bil.	Jenis	Alat Ukuran Platform
1	Ujian Dalam talian, Kuiz Dalam Talian	Portal *e-Campus*
2	Pembentangan Dalam Talian	Portal *e-Campus* *Webex* *Google Meet*
3	Laporan Projek, Laporan Kajian Kes, Ulasan Artikel	Portal *e-Campus*
4	Perbincangan Dalam Talian, Demonstrasi	Portal *e-Campus* *Webex* *Google Meet*
5	*e-Portfolio*	Portal *e-Campus*
6	Penilaian Rakan Sebaya	Portal *e-Campus Learning* Forum *Flipgrid* *Padlet*

*Pensyarah juga dibenarkan menggunakan aplikasi lain mengikut kesesuaian.

Lampiran 9

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL/BERSEMUKA PELAJAR IPT KEMASUKAN OKTOBER 2020

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan pandangan pelbagai pihak serta kebimbangan yang disuarakan oleh para pelajar, ibu bapa dan masyarakat dengan peningkatan kes COVID-19 yang berlaku hanya selang beberapa hari sahaja dari tarikh kemasukan pelajar baharu ke universiti.

KPT turut prihatin mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar, staf universiti dan semua pihak yang terlibat.

Justeru, KPT mencadangkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar-pelajar baharu dan lama ke kampus. Semua urusan pendaftaran pelajar boleh dilaksanakan secara dalam talian, begitu juga aspek pengajaran dan pembelajaran sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

Keputusan menangguhkan pendaftaran secara fizikal/ bersemuka pelajar-pelajar yang terlibat perlu dibuat demi memelihara kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Pihak IPT diminta membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT juga mencadangkan kepada semua IPT supaya menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

KPT juga telah mengambil langkah proaktif berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memohon mempertimbangkan penjadualan semula penerbangan pelajar-pelajar pulang ke kampus khususnya bagi mereka yang telah membeli tiket penerbangan pulang ke IPT masing-masing. Hasil rundingan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menjadualkan semula penerbangan pelajar sehingga 31 Disember 2020.

Keprihatinan dan kepekaan daripada semua pihak dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar dan masyarakat amat diperlukan dalam menghadapi situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 ini.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
2 Oktober 2020

Lampiran 10

UMK.B01.02/100-1/3/1 (18) 2 OKTOBER 2020

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 13/2020

PENANGGUHAN KEMASUKAN SEMUA PELAJAR SECARA BERSEMUKA (BAHARU DAN LAMA) SESI AKADEMIK 2020/2021 BAGI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan penangguhan kemasukan Pelajar Prasiswazah secara bersemuka (baharu dan lama) bagi sesi akademik 2020/2021 UMK masing-masing bermula pada 4 Oktober 2020 dan 11 Oktober 2020. Ini turut melibatkan pendaftaran Pelajar Pascasiswazah. Penangguhan kemasukan pelajar ini adalah dengan mengambil kira situasi semasa berkenaan peningkatan kes pandemik Covid-19 di seluruh Malaysia. Keputusan ini juga adalah sejajar dengan kenyataan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020, tertakluk kepada maklumat lanjut dari semasa ke semasa.

3. Sehubungan dengan itu, pendaftaran pengajian pelajar (Prasiswazah dan Pascasiswazah) dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga dimaklumkan kemudian. Bagi para pelajar yang telah berada di UMK dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus masing-masing. Dilampirkan bersama adalah Kenyataan Media daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk makluman.

4. Pihak UMK memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi ekoran penangguhan kemasukan ini demi kebaikan dan keselamatan semua pihak khususnya para pelajar.

5. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

2 OKTOBER 2020

s.k.
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar
- Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
- Timbalan Pendaftar Bahagian Pentadbiran Akademik

RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia. (2020). Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. Agensi Kelayakan Malaysia. https://www.mqa.gov.my/pv4/document/advisoryNotes/Advisory%20Note%20No.%201%202020%20-%20Panduan%20Pengendalian%20Prog%20PPT%2020200329.pdf

Agensi Kelayakan Malaysia. (2020). Advisory Note No.4/2020 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan. https://www.mqa.gov.my/pv4/document/advisoryNotes/Advisory%20Note%20No.4%202020%20kendaliprogpkp.pdf

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghargaan

Pusat Kecemerlangan Dan Pembangunan Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Suria binti Baba
Wan Ab Aziz bin Wan Daud
Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri

Penerbit UMK
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Azman bin Hashim
Amirul Firdaus bin Zilah
Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh
Mohamad Kamarul Hisyam bin A Rahman

Urusetia

Wan Ahmad Ridhwan bin Wan Musa
Siti Hajar binti Hassan
Che Nurul 'Nyunni binti Ibrahim

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
16300 BACHOK, KELANTAN

No. Tel : 09-7797599 e-mel : pkpa@umk.edu.my

ecampus.umk.edu.my http://www.facebook.com/umktncaa

ISBN 978-967-2912-08-8

OfficialUMK
umk.edu.my
Entrepreneurship is Our Thrust
Kita #BinaLegasiUMK Bersama
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream